

NAMA PRC

NO. TELEFON

EMEL

Pencarum dinasihatkan supaya membaca dan memahami isi kandungan Dokumen Pendedahan untuk Skim Persaraan Swasta Public Mutual - Siri Konvensional dan Dokumen Pendedahan untuk Skim Persaraan Swasta Public Mutual - Siri Berlandaskan Syariah yang bertarikh 28 Ogos 2023, Dokumen Pendedahan Tambahan Pertama untuk Skim Persaraan Swasta Public Mutual - Siri Konvensional dan Dokumen Pendedahan Tambahan Pertama untuk Skim Persaraan Swasta Public Mutual - Siri Berlandaskan Syariah yang bertarikh 27 September 2024 dan Helaian Penting Produk dana berkenaan sebelum mencarum. Pencarum seharusnya memahami, membandingkan dan mempertimbangkan risiko-risiko, bayaran, caj dan kos yang terlibat apabila mencarum dalam dana PRS. Salinan Dokumen Pendedahan, Dokumen Pendedahan Tambahan Pertama dan Helaian Penting Produk boleh didapati melalui laman web kami www.publicmutual.com.my. Pencarum seharusnya membuat penilaian sendiri terhadap merit dan risiko caruman. Sekiranya terdapat keraguan, pencarum harus mendapatkan nasihat profesional. Untuk penafian pelaburan kami, sila rujuk www.publicmutual.com.my.

APRIL 2026

IBU PEJABAT
Menara Public Bank 2,
No. 78, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.

TELEFON
03-2022 6800

FAKSIMILE
03-2022 6900

LAMAN WEB
www.publicmutual.com.my

IKUTI KAMI



Membina Masa Depan Kewangan yang Lebih Cerah untuk Para Pelabur

Bersara Penuh Gaya. Kembangkan Kekayaan Anda dengan PRS



PUBLIC MUTUAL BERHAD 197501001842 (23419-A)

Public Mutual memenangi Syarikat PRS Paling Konsisten (Anugerah Emas) di Anugerah Grow with PRS Fund 2026, yang dianjurkan oleh Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA).



Skim Persaraan Swasta (PRS) merupakan pilihan simpanan tambahan untuk kumpul dana persaraan anda dalam jangka panjang. Berikut adalah 9 dana PRS yang ditawarkan oleh Public Mutual untuk memenuhi keperluan anda:

Siri Konvensional

Dana Teras

Dana Teras	Kumpulan Umur (Pilihan Tersedia)
Public Mutual Dana PRS Tumbuh (PRS-GRF)	Bawah 45 tahun
Public Mutual Dana PRS Sederhana (PRS-MDF)	45 tahun sehingga bawah 55 tahun
Public Mutual Dana PRS Konservatif (PRS-CVF)	55 tahun dan ke atas

Dana Bukan Teras

Public Mutual Dana PRS Ekuiti (PRS-EQF)

Public Mutual Dana PRS Ekuiti Strategik (PRS-SEQF)

Siri Patuh Syariah

Dana Teras

Dana Teras	Kumpulan Umur (Pilihan Tersedia)
Public Mutual Dana PRS Tumbuh Islamik (PRS-IGRF)	Bawah 45 tahun
Public Mutual Dana PRS Sederhana Islamik (PRS-IMDF)	45 tahun sehingga bawah 55 tahun
Public Mutual Dana PRS Konservatif Islamik (PRS-ICVF)	55 tahun dan ke atas

Dana Bukan Teras

Public Mutual Dana PRS Ekuiti Strategik Islamik (PRS-ISEQF)

Kelebihan Mencarum dalam PRS

- Pelepasan cukai sehingga RM3,000¹ setahun.
- Percuma perlindungan insurans/Takaful kemalangan diri².
- Caruman PRS dilindungi daripada pemiutang³.

Nota: Anda layak untuk membuat pengeluaran penuh apabila mencapai umur 55 tahun. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mungkin akan menentukan kelayakan umur lain dari masa ke masa.

¹ Termasuk pelepasan cukai untuk anuiti tertunda. Pelepasan cukai sah sehingga tahun 2030.

² Untuk pencarum PRS Public Mutual sahaja. Tertakluk pada terma & syarat.

³ Manfaat/wang dalam PRS dilindungi daripada pemiutang seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 139ZA Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA).



Dengan mengandaikan caruman sebanyak RM3,000 pada kadar cukai marginal, anda boleh menikmati anggaran penjimatan cukai seperti yang dinyatakan di bawah:

Pendapatan Bercukai (RM)	Tahun Taksiran 2026	
	Kadar Cukai*	Potensi Penjimatan Cukai (RM)
5,001 – 20,000	1%	30
20,001 – 35,000	3%	90
35,001 – 50,000	6%	180
50,001 – 70,000	11%	330
70,001 – 100,000	19%	570
100,001 – 400,000	25%	750
400,001 – 600,000	26%	780
600,001 – 2,000,000	28%	840
2,000,001 dan ke atas	30%	900

*Sumber: PwC Malaysia

Nota: Jadual di atas adalah sebagai panduan sahaja. Anda harus menghubungi ejen cukai anda sekiranya anda ingin mengetahui jumlah sebenar penjimatan cukai daripada caruman PRS anda.